



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - Kerajaan Mungkin Semak Semula Sasaran 75 Peratus Kadar Penembusan Insurans Hayat](#)

🕒 Selasa, Sep 10 2019



KUALA LUMPUR, 10 Sept -- Kerajaan kemungkinan besar akan menyemak semula sasaran 75 peratus kadar penembusan insurans hayat menjelang 2020 kerana ia masih lagi jauh daripada paras semasa 55 peratus ketika ini, kata Menteri Kewangan Lim Guan Eng.

Beliau berkata, sekiranya sasaran 75 peratus itu tidak dapat dicapai tahun depan, kerajaan akan membuat penilaian untuk mengkaji masalah tersebut.

"Sasaran ini (75 peratus) bukan ditetapkan oleh kerajaan sekarang. Kita perlu lihat apakah keputusannya tahun depan. Jika ada kekurangan, kita akan lihat apakah lagi yang perlu dilakukan.

"Kita tunggu sehingga 2020 apabila kita dapat melihat keputusannya; sudah pastinya akan ada semakan semula," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Menara Prudential di Tun Razak Exchange, di sini, hari ini.



Lim berkata harga dan kemampuan untuk mendapatkan polisi insurans adalah alasan utama bagi kadar penembusan insurans hayat yang rendah di Malaysia.

"Menyedari bahawa kadar penembusan sekarang masih jauh di bawah sasaran yang dikehendaki, kerajaan telah memperkenalkan skim insurans mySalam pada Januari tahun ini bagi membantu rakyat, terutamanya kumpulan B40," katanya.

Terdahulu dalam ucapan beliau, Lim yang memetik perangkaan Bank Negara Malaysia (BNM) berkata kurang 41 peratus daripada rakyat Malaysia memiliki sekurang-kurangnya satu polisi insurans hayat individu/kumpulan atau takaful keluarga.

Hampir separuh daripada penduduk negara tidak mempunyai perlindungan insurans kerana kadar penembusan insurans hayat pada 55 peratus itu tidak bergerak selama bertahun-tahun, katanya.

"Justeru itu, kerajaan dan BNM mengambil pelbagai usaha untuk merealisasikan agenda negara bagi kadar penembusan insurans nasional mencecah 75 peratus menjelang 2020," katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Prudential Corporation Asia Nic Nicandrou berkata Malaysia adalah rakan perniagaan Prudential paling lama di Asia, dengan Prudential Assurance Malaysia Bhd (PAMB) ditubuhkan pada 1924.

Beliau juga berkata Malaysia merupakan satu daripada pasaran paling penting di rantau ini dengan perniagaan insurans hayat dan kesihatannya menguasai 20 peratus daripada bahagian pasaran di negara ini.

Menara Prudential yang dibangunkan oleh IJM Corporation Bhd itu menempatkan lebih daripada 2,000 kakitangan daripada perniagaan insurans hayat Prudential, PAMB; perniagaan takaful usaha sama, Prudential BSN Takaful Bhd; operasi pengurusan aset, Eastspring Investments Bhd dan Eastspring Al-Wara' Investment Bhd; hab perkhidmatan perkongsian, Prudential Services Asia, serta cawangan runcit pelanggan.

-- BERNAMA



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih



Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

